



BALAI SENI NEGARA
2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,
53200 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998
Email: ukk@artgallery.gov.my
Website: www.artgallery.gov.my



SIARAN MEDIA

PENGALAMAN SENI DI BAKUN (BAKUN ART EXPERIENCE)

KUALA LUMPUR, 23 Mac 2022 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa komited dalam mengutamakan sinergi serta kelangsungan ekosistem seni di Malaysia bagi memastikan industri seni visual negara terus maju. Oleh itu, MOTAC melalui Balai Seni Negara menganjurkan Program Pengalaman Seni Di Bakun. Program berlangsung di Sungai Asap, kawasan Belaga, Kapit Sarawak selama 9 hari bermula 23 Mac hingga 31 Mac 2022.

Majlis perasmian akan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Indera Dayang Fatimah Tom Abang Saufi, Pengurus Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) pada 28 Mac 2022.

Pengalaman Seni di Bakun adalah salah satu usaha yang di angkat oleh Balai Seni Negara dalam membangunkan ekosistem seni Malaysia. Program ini melibatkan kreativiti dan pengalaman pelukis bersama komuniti setempat di kawasan pedalaman. Seramai 20 orang artis yang terpilih akan membina karya di lokasi yang ditetapkan dengan tema ‘eco art’.

Antara objektif program ini adalah untuk mengenali budaya yang lain. Ia bagi memberi lebih pemahaman serta menghormati kepelbagaian budaya yang terdapat di negara ini. Menerusi program ini juga, ia dapat mewujudkan perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam mewujudkan beberapa karya di lokasi yang terlibat.

"Pengalaman Seni Bakun ialah projek kolaborasi penggiat seni dan anak-anak muda kreatif Bakun dalam merakam nilai pengalaman unik kepelbagaian budaya dan alam dengan penghasilan karya seni dan bengkel kreatif. Hasil dokumentasi ini kelak akan melengkapkan edisi khas pemetaan Jejak Seni Bakun" ujar Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara.

Selain itu, pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program berlangsung. Antaranya, Bengkel Seni ‘Sun Print’ bersama Balqis Tajalli dan Bengkel Seni ‘Food Portrait Art’ bersama Lim Sheng Feiyan. Selain itu, terdapat bengkel mural dengan tema ‘Ikon Tempatan’ bersama Amir Sheikh Ali di SMK Bakun, Belaga.

Maklumat lanjut mengenai program ini, boleh layari laman sesawang www.artgallery.gov.my atau kunjungi laman sosial rasmi Balai Seni Negara.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

National Art Gallery

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Wan Nor Hidayah Wan Idris

T: +60 17 987 3303

E: hidayah@artgallery.gov.my

**Unit Komunikasi Korporat
Balai Seni Negara, Malaysia**

No. 2 Jalan Temerloh, OFF Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my